



UDA HOLDINGS BERHAD

MAJLIS PENYERAHAN KUNCI PANGSAPURI SERI SERDANG

- *Pangsapuri Seri Serdang adalah salah satu perumahan kos rendah yang dibangunkan oleh UDA Land North Sdn Bhd telah siap sepenuhnya pada Mac 2019.*
- *Majlis Penyerahan Kunci disempurnakan oleh YB Dato' Ir. Hj. Ahmad Zakiyuddin Bin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Menteri 1.*
- *Pangsapuri berkeluasan 1.03 ekar itu merangkumi 1 blok pangsapuri 7 tingkat dan 80 unit kediaman.*
- *Nilai Pembangunan Kasar (GDV) bagi projek kediaman tersebut ialah RM3.36 juta.*
 - *Pangsapuri Seri Serdang dibuka untuk jualan kepada kelompok B40 (golongan berpendapatan rendah) dan senarai pembeli telah diluluskan oleh Pejabat Setiausaha Negeri Pulau Pinang (SUK).*

Kepala Batas, 28 April 2019 – UDA Holdings Berhad (UDA) menerusi anak syarikat UDA Land North Sdn Bhd (ULNSB) mengadakan satu majlis iaitu 'Majlis Penyerahan Kunci Pangsapuri Seri Serdang' di sini, hari ini. Majlis yang diadakan di Perkarangan Pangsapuri Seri Serdang, Kepala Batas, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang ini diadakan bagi menyerahkan kunci dan cenderahati kepada pemilik kediaman, selepas projek kediaman kos rendah itu sedia diduduki.

Majlis penyerahan disempurnakan oleh YB Dato' Ir. Hj. Ahmad Zakiyuddin Bin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Menteri 1 dan turut hadir pada majlis penyerahan itu adalah Tn. Hj. Noor Azmi Bin Salleh, Ketua Pegawai Operasi Kumpulan, Pembangunan Hartanah UDA dan Encik Zainudin Deni, Ketua Pegawai Operasi UDA Land (North).

Tn. Hj. Noor Azmi dalam ucapannya berkata, "UDA Land (North) iaitu syarikat Kumpulan UDA yang berperanan dalam pembangunan hartanah UDA di wilayah utara ini, terus-menerus menyediakan kawasan kediaman dan perniagaan yang selesa dan kondusif kepada para pemiliknya.

"Pada hari ini, kami telah pun menambah satu lagi produk hartanah UDA di wilayah utara iaitu Pangsapuri Seri Serdang di Taman Seri Serdang, Kepala Batas, Seberang Perai Utara ini," katanya.

Pangsapuri Seri Serdang adalah kediaman kos rendah yang dibangunkan oleh ULNSB di atas tanah berkeluasan 1.03 ekar. Merangkumi 1 blok pangsapuri 7 tingkat dengan 80 unit kediaman, setiap unit kediaman dibina berkeluasan 650 kaki persegi dan mempunyai tiga bilik tidur. Kediaman tersebut dijual dengan harga RM42,000. Pelbagai kemudahan turut disediakan di pangsapuri tersebut antaranya lif, surau, taman permainan dan dewan. Perumahan itu juga terletak berdekatan dengan

bandar memudahkan akses penduduk dengan sekolah, hospital dan kompleks serta pejabat kerajaan.

Pangsapuri Seri Serdang mula dibangunkan pada Mac 2017 dan telah siap sepenuhnya pada Mac 2019 dan kini telah sedia diduduki seperti tempoh cadangan pembangunan. Nilai Pembangunan Kasar (GDV) bagi projek tersebut ialah RM3.36 juta.

Untuk makluman, kediaman kos rendah tersebut telah dibuka untuk jualan kepada kelompok B40 (golongan berpendapatan rendah) dan senarai pembeli telah diluluskan oleh Pejabat Setiausaha Negeri Pulau Pinang (SUK).

Tn. Hj. Noor Azmi menambah, "Sejumlah 67 unit pangsapuri ini telah pun dijual kepada para pembeli kumpulan sasar yang telah dikenal pasti oleh Pejabat Setiausaha Negeri Pulau Pinang dan hanya berbaki 13 unit sahaja lagi untuk dimiliki. Ini adalah bagi memastikan kediaman ini dimiliki oleh mereka yang betul-betul layak mendiaminya.

"Dengan tersedianya pangsapuri ini juga, para pemilik dapat mendiami kediaman ini dalam masa seperti yang dijanjikan lebih-lebih lagi buat para pembeli yang akan menyambut ketibaan bulan puasa beberapa hari sahaja lagi," katanya.

Tambah beliau lagi, penyediaan pangsapuri kos rendah ini juga adalah salah satu daripada inisiatif UDA menyahut seruan kerajaan dalam membantu golongan berpendapatan rendah untuk memiliki kediaman sendiri.

"Seperti yang kita sedia maklum, golongan B40 sering berhadapan dengan cabaran terutamanya dalam mendapatkan pinjaman bagi pemilikan rumah. Selain itu, dengan adanya inisiatif kerajaan dalam usaha menyelesaikan permasalahan pemilikan rumah untuk rakyat Malaysia dalam Belanjawan 2019 dengan memperkenalkan insentif khas, ia dilihat dapat menstabilkan pasaran semasa dan memberi fokus kepada peningkatan rumah di dalam pinggir bandar," katanya.

Untuk makluman, sebelum ini ULNSB juga telah membangunkan projek perumahan kos rendah di Pulau Pinang iaitu Flat Perumahan Kos Rendah di Tanjung Tokong.

UDA yang telah diasaskan di Malaysia sejak 48 tahun yang lalu terus komited dalam menjayakan agenda pembangunan hartanah di seluruh negara termasuk di negeri Pulau Pinang selain turut terlibat dalam bidang Pengurusan Mall, Hospitaliti dan Fasiliti di bawah anak syarikat Kumpulan UDA di seluruh Malaysia.

Menyentuh kepada produk hartanah jenama UDA di Pulau Pinang, fokus ULNSB kini tertumpu pada pembangunan di Bertam, Kepala Batas dengan menawarkan hartanah kediaman Semi-D dan Banglo 'Crescent Dew', 'Evoke Residences @ Gravitas' yang terletak di Taman Pauh Jaya dan pembangunan komersial 'Elevate @ Gravitas' di kawasan yang sama.

Bagi yang berminat dengan projek hartanah kediaman dan komersial dari ULNSB boleh membuat pendaftaran di pejabat jualan Crescent Dew di Bertam, Kepala Batas atau Taman Pauh Jaya, Perai atau hubungi Jabatan Pemasaran & Jualan di talian 1800-1800-89 atau 011 1722 6164.

TAMAT

MENGENAI UDA HOLDINGS BERHAD

UDA Holdings Berhad (UDA) merupakan salah satu organisasi pembangunan hartanah dan pengurusan aset yang mampan dan berdaya saing di negara ini. Aktiviti utama syarikat termasuk pembangunan tanah, pengurusan harta dan pengurusan fasiliti, kompleks beli-belah serta industri hospitaliti. UDA telah bertapak kukuh dalam membentuk dan memodenkan Kuala Lumpur, Lembah Klang dan bandar-bandar utama lain di Malaysia sejak tahun 1971.

Untuk maklumat lanjut mengenai UDA, sila layari laman sesawang kami di www.uda.com.my atau laman Facebook www.facebook.com/UDAHoldings.

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

- **Nor Hanisah Kamaruzaman** | n.hanisah@udanet.com | **+6013 597 4264**
- **Latifah Osman (Lat)** | lat@udanet.com | **+6012 291 5427**

Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan
UDA Holdings Berhad
Tingkat 6, Blok Menara, Kompleks Pertama,
Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur.
Tel : +603 2730 8500 | Fax : +603 2731 2855